

Arahan: Baca dan fahami petikan dialog pada muka surat 132. Dapatkan maklumat penting tentang dialog tersebut. Jawab soalan pemahaman yang di berikan.



Alat Semaian Automatik

Zara, Dina dan Alif melawat ke pusat semaian milik Encik Harun. Di sana, mereka telah melihat alat semaian.

Encik Harun: Selamat datang Alif, Dina dan Zara ke pusat semaian biji benih sayur-sayuran. Ini alat semaian yang baru sahaja pak cik beli. Alat ini ciptaan syarikat anak tempatan.

Zara: Apakah kegunaan alat ini, pak cik?

Encik Harun: Alat ini untuk memudahkan proses penyemaian biji benih.

Dina: Bagaimanakah alat ini berfungsi, pak cik?

Encik Harun: Begini, Dina. Mula-mula, masukkan biji benih ke dalam alat ini. Tujuannya untuk meratakan biji benih. Kemudian, letakkan alat ini di atas bekas semaian. Biji benih akan diisikan secara serentak ke dalam bekas semaian.

Alif: Wah, kerja semaian akan menjadi lebih pantas! Lebih banyak biji benih dapat disemai.

Encik Harun: Betul, Alif. Jumlah pengeluaran sayur-sayuran daripada kebun ini juga akan meningkat.

Zara: Nanti, bolehlah kita memetik sayur-sayuran di sini.

Encik Harun: Boleh, Zara.

Zara: Terima kasih, Pak Cik Harun.



1. Siapakah yang mencipta alat semaian itu?

Alat semaian itu di cipta oleh

2. Apakah kegunaan alat semaian ?

Kegunaan alat ini adalah untuk proses biji benih

3. Nyatakan cara penggunaan alat semaian tersebut

dimasukkan ke dalam alat ini lalu diisikan secara ke dalam

4. Mengapakah alat tersebut dikatakan dapat meningkatkan pengeluaran sayur?

Alat tersebut dikatakan dapat meningkatkan pengeluaran sayur kerana semaian menjadi lebih

5. Pada pendapat kamu, bolehkah alat ini mengurangkan beban kerja manusia? Mengapa?

Pada pendapat saya, alat ini dapat mengurangkan beban kerja manusia kerana kerja penyemaian dapat dilakukan dengan secara

kerja

serentak

automatik

Biji benih

mesin

penyemaian

syarikat anak tempatan

dulang semaian

memudahkan

pantas